

Pengajaran Pembezaan (DI)


– Satu renungan



Oleh: Cikgu Badariah Md Noor
Sekolah Menengah East View

Apa itu DI?

- **Pembezaan tiga aspek- kandungan, proses dan produk**
- **Kandungan- apa yang guru hendak pelajar belajar**
- **Proses- bagaimana membuat pelajar itu memahami pengajaran tersebut**
- **Produk- bagaimana pelajar menunjukkan tahap pemahaman mereka**



Reaksi Guru Sebelum Menjalankan DI

- **Respons kurang positif**
 - Banyak bacaan perlu dilakukan
 - Kebanyakan buku dalam BI
 - Contoh-contoh yang diberi lebih sesuai untuk sekolah rendah
 - Teks berbentuk sastera
 - Keraguan timbul kerana takut DI menjejaskan skema pelajaran dan sama ada DI berkesan

Reaksi Guru Sebelum Menjalankan DI

- **Banyak persediaan**
 - **Fikirkan aktiviti untuk pelajar**
 - **Mencipta bahan baharu (lembaran kerja)**
 - **Memakan masa (1 pelajaran- 3 lembaran kerja yang berbeza)**
 - **Memerlukan tenaga yang banyak- dalam melayan kerenah pelajar**

Reaksi Pelajar Sebelum Menjalani DI

- **Tidak ghairah- pemahaman bukan komponen yang digemari**
- **Unsur suspens- tidak pasti sama ada DI menarik dan berkesan**
- **Tidak suka dibahagikan kepada kumpulan kerana tiada hak untuk memilih kawan sebagai ahli kumpulan**

Respons Pelajar Semasa Menjalani DI

- **Tidak serius semasa membuat lembaran kerja kerana mereka tidak menyukai latihan pemahaman**
- **Pelajar kurang menerima cara yang bukan tradisional (pelajar kini perlu mengambil bahagian dengan aktif)**
- **Banyak interaksi antara pelajar – pelajar diberikan ruang untuk membuat kesilapan dan kesilapan itu diperbetulkan oleh rakan-rakan yang mempunyai tahap kebolehan yang sama (penilaian rakan)**
- **DI sebagai motivasi untuk pelajar- pelajar yang berada di tahap kebolehan yang rendah terdorong untuk membuat yang terbaik supaya dapat beralih ke kumpulan yang lebih berkebolehan tinggi.**

Pemerhatian Guru Ke Atas Pelajar Selepas Menjalankan DI

- **Kesedaran**
 - **Pelajar sedar kebolehan diri sendiri dan sekaligus memupuk keyakinan diri**
 - **Terdapat kesedaran untuk memperbaiki sendiri kelemahan yang dimiliki**
 - **Pelajar sedar bahawa kefahaman bukanlah sesusah yang mereka sangkakan**
 - **Mendapati membaca aktiviti yang menyeronokkan**

Pemerhatian Guru Ke Atas Pelajar Selepas Menjalankan DI

- **Keyakinan dalam memberi ketepatan jawapan**
 - **Jawapan pelajar lebih tepat dan mantap kerana bagi pelajar yang lemah, mereka dibimbing melalui soalan-soalan yang direka khas untuk tahap kebolehan mereka**
 - **Lebih fokus dalam menjawab soalan kerana kini sudah memahami kehendak soalan dan tidak memberi jawapan yang tidak perlu**

Pemerhatian Guru Ke Atas Pelajar Selepas Menjalankan DI

- **Perubahan kepada reaksi terhadap DI**
 - **Kini, lebih ghairah dalam menjalani aktiviti DI**
 - **Tidak mahu terlepas pelajaran DI kerana tidak mahu ketinggalan dalam aktiviti yang dilakukan**
 - **Meminta guru menggunakan teknik pembelajaran yang sama untuk komponen yang lain seperti imbuhan, peribahasa dll**

Renungan Guru Selepas Menjalankan DI

- **Kepuasan**
 - Pelajar menghargai usaha guru untuk cuba memahami kelemahan mereka dan memikirkan cara mengatasinya
- **Berbaloi**
 - Penat lelah dibalas dengan penerimaan pelajar untuk mencuba dan dapat dilihat sedikit peningkatan dalam keputusan mereka
 - Hasilnya diharapkan dapat dilihat apabila mereka menduduki peperiksaan genting di peringkat Nasional

Renungan guru selepas menjalankan DI

- **Fikiran terbuka**
 - **Guru sendiri menyedari bahawa setiap insan mahu belajar. DI menyedarkan guru kepentingan memahami pelajar dan mencari cara yang berkesan dalam membantu pelajar yang tidak tahu cara efektif untuk belajar.**
 - **Guru juga sedar bahawa dia kurang kemahiran mengajar secara efektif kerana masih berada di takuk yang lama (chalk and talk)**
 - **Guru kurang tertekan kerana menerima kebolehan pelajar seadanya dan matlamat bagi seseorang pelajar secara individu tercapai (menerima kejayaan sekecil mana sekalipun)**

D² Secara Keseluruhannya...

Organik

Proaktif

Kualiti bukan kuantiti

Pengajaran campuran seluruh kelas dan secara individu

D²

Berlandaskan penilaian

Tumpuan kepada pelajar

Menyediakan pelbagai pendekatan dalam mengajar kandungan, menentukan proses dan menghasilkan produk

Rumusan

Dalam kelas pembezaan, guru secara proaktif merancang dan menjalankan pelbagai pendekatan dalam segi kandungan, proses dan produk. Ini bertujuan untuk memberi ruang kepada guru untuk bersedia dan bertindak mengikut pembezaan pelajar dalam segi persediaan, minat dan keperluan belajar.

Sesi perkongsian selepas Raya,
Besar sungguh pengorbanannya;
Pendekatan DI dikongsi bersama,
Agar guru dan pelajar memperoleh manfaatnya.

Terima kasih